

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR
[TUMPAT]

TARIKH : 23 MAC 2015

SOALAN : Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]
minta **MENTERI LUAR NEGERI**
menyatakan adakah Malaysia bercadang
untuk mengemukakan semula usul
keahlian Palestin sebagai anggota
Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di
Majlis Keselamatan PBB tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tumpat atas soalan beliau mengenai adakah Malaysia bercadang untuk mengemukakan semula usul keahlian Palestin sebagai anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Majlis Keselamatan PBB tahun ini.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, mengikut prosedur rasmi kemasukan sesebuah negara sebagai anggota PBB, negara tersebut perlu mengemukakan permohonan kepada Setiausaha Agung PBB. Permohonan tersebut akan dirujuk kepada Jawatankuasa Kemasukan Anggota-Anggota Baru (*Committee on the Admission of New Members*) Majlis Keselamatan PBB untuk mendapatkan pertimbangan dan pandangan pakar yang sewajarnya. Jawatankuasa tersebut kemudian akan mengemukakan laporan kepada Majlis Keselamatan PBB untuk pertimbangan dan tindakan Majlis selanjutnya. Buat masa sekarang, permohonan Palestin untuk mendapatkan keahlian penuh di PBB masih lagi di dalam pertimbangan dan belum dimuktamadkan oleh Jawatankuasa tersebut sejak Palestin mengemukakan permohonannya pada tahun 2011.

Tuan Yang Di-Pertua,

3. Adalah dasar Malaysia sekian lama menyokong aspirasi rakyat Palestin untuk mewujudkan sebuah negara Palestin yang merdeka dan berdaulat. Sebagai ahli Majlis Keselamatan PBB, Malaysia akan terus menyuarakan pendiriannya berhubung isu ini dan menyokong usaha ke arah pembentukan sebuah negara Palestin yang merdeka dan berdaulat.

Sekian, terima kasih.